

Pindaan perlembagaan tidak ragut kuasa ketua cawangan

30 SEP 1988

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan pindaan perlembagaan Umno yang memberi kuasa kepada ketua bahagian meluluskan permohonan ahli-ahli baru bertujuan memastikan cuma orang-orang yang berniat baik saja diterima masuk.

Sebelum ini, ketua-ketua cawangan diberi kuasa meluluskan permohonan ahli-ahli baru.

Presiden Umno berkata ia bukan bertujuan meragut kuasa ketua-ketua cawangan kerana setiap permohonan menjadi ahli masih dibuat melalui cawangan sebelum diputuskan di peringkat bahagian.

Ini bertujuan membolehkan parti mengetahui latar belakang pemohon-pemohon agar mereka ti-

dak mempunyai niat lain kecuali untuk berjuang bagi Umno.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pindaan itu adalah untuk kepentingan Umno dan ketua-ketua cawangan tidak seharusnya berkecil hati.

Beliau menegaskan penelitian yang tidak berhati-hati ketika menerima ahli-ahli baru di peringkat cawangan menyebabkan wujudnya cawangan-cawangan yang mirip kepada parti pembangkang.

"Kerana itulah kaset-kaset ucapan Naib Yang Dipertua Pas Haji Hadi Awang, dijual di gerai-gerai di Perhimpunan Agung Umno hari ini. Golongan ini juga yang menguasai masjid," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bila masjid dikuasai oleh orang lain yang antikerajaan, amatlah sukar masjid itu dikuasai semula.